

## Surat Jaminan Bank : Hukum Menjadikannya Sebagai Aset untuk Jual Beli dalam Pembiayaan

MOHD NASRAN MOHAMAD  
NIK ABDUL RAHIM NIK ABDUL GHANI

Apabila merujuk kepada surat jaminan bank yang dikeluarkan bank, terdapat dua jenis surat. Jenis pertama iaitu tanpa cagaran yang mengandungi prinsip kafalah. Surat ini tidak boleh dianggap harta dan tidak boleh dijual beli. Ia hanyalah surat biasa yang menyatakan hak mendapat jaminan daripada bank. Kedua ialah surat jaminan bercagaran atau berasaskan aset. Dalam hal ini hubungan di antara bank dan pelanggan boleh dianggap sebagai *wakalah* di mana bank mengeluarkan surat jaminan hanya kerana ada aset yang dicagarkan. Surat jaminan itu mempunyai nilai yang sama dengan aset yang dicagarkan. Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana surat jaminan boleh digunakan sebagai aset untuk jual beli dalam perniagaan, pembiayaan projek, penghantaran barang serta pembiayaan lain yang melibatkan berlaku risiko bagi pihak pelanggan korporat.

### *The Letter of Guarantee (LG) as an Assets in Islamic Trade of Finance*

#### *Abstract*

*There are two types of the letter of guarantee facility provided by a particular bank. The first is the letter of guarantee without deposit under the principle of kafalah which is not considered as a value property and cannot be sale. The second is the letter of guarantee with deposit or based on asset under the principle of wakalah. The letter issued must have the same value as the deposited assets. The central concern of this paper is to examine in what extent the facility of the letter of guarantee issued by any*

*banking institutions is recognized and in line with Islamic law as an asset and can be used for trade finance, construction, project related to finance, shipping and other financial guarantees which involve undertaking risk on behalf of corporate customers.*

### **Definisi Surat Jaminan Bank**

Surat Jaminan atau dalam bahasa arab *khitab al-dhaman* ialah janji bertulis yang dipegang oleh bank untuk menjamin pelanggannya (pemohon surat jaminan) dalam kadar tertentu bagi pihak ketiga (*beneficiary*). Jaminan itu adalah terhadap suatu obligasi yang ditanggung oleh pelanggan yang dijamin. Ia bertujuan menjamin pelanggan menunaikan obligasinya terhadap pihak ketiga sepanjang tempoh tertentu.<sup>1</sup>

Ada juga yang mendefinisikannya sebagai satu surat yang mengandungi janji bank pengeluar surat untuk membayar sejumlah kadar tertentu kepada pihak ketiga untuk tujuan tertentu. Dengan kata lain, ia ialah satu pengakuan bertulis yang sah dan dikeluarkan oleh bank atas nama pelanggannya dan diberikan kepada pihak ketiga yang dikenali sebagai benefisiari bertujuan untuk menjamin pembayaran sejumlah wang tertentu, sekiranya pelanggan gagal menunaikan hutangnya ataupun gagal melaksanakan suatu kewajipan yang sepatutnya.<sup>2</sup>

Beberapa perkara dikenal pasti melalui definisi yang dikemukakan:

- a. Perlu ada elemen-elemen berikut iaitu, penjamin (bank), yang dijamin (pelanggan), pihak ketiga (*beneficiary*) dan jumlah jaminan.
- b. Surat jaminan hendaklah bertulis.
- c. Surat jaminan ditetapkan tempoh tertentu.
- d. Jumlah jaminan bukan satu hutang yang sabit pada tanggungan pelanggan (yang dijamin) ketika dikeluarkan surat jaminan tersebut. Hutang akan sabit jika pelanggan tidak menyempurnakan obligasinya terhadap pihak ketiga.
- e. Pihak *beneficiary* tidak akan menuntut daripada bank kecuali ketika pelanggan tidak mampu menyempurnakan obligasinya.
- f. Jumlah jaminan boleh jadi tidak ditentukan namun ia boleh ditentukan kemudian.

Biasanya, surat jaminan terbahagi kepada dua jenis<sup>3</sup>:

- a. Surat Jaminan Tanpa Cagaran: Bank mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggannya tanpa meminta mereka menyerahkan sejumlah wang cagaran atau aset cagaran sebagai jaminan agar mereka memenuhi tanggungjawab.
- b. Surat Jaminan Bercagaran: Bank mengeluarkan surat jaminan kepada pelanggan dan meminta dicagarkan aset tertentu kepadanya. Nilai aset cagaran samada berbentuk sebahagian daripada nilai jaminan atau sama dengan nilai jaminan.

### **Prinsip Syariah dalam Surat Jaminan Bank**

Kebanyakan fuqaha menjelaskan bahawa surat jaminan bank mengandungi dua prinsip Syariah iaitu *wakalah* dan *kafalah*.<sup>4</sup> *Wakalah* ialah konsep yang disyariatkan. Surat jaminan mengandungi konsep perwakilan (*tawkil*) daripada pelanggan kepada bank dengan mengakui suatu hak yang telah sabit atau akan sabit pada masa akan datang.

Para fuqaha mengharuskan upah daripada *wakalah* dengan mengambil kira kos sebenar bebanan yang ditanggung oleh pihak bank untuk menyelesaikan jaminannya. Ini kerana biasanya ada kerjakerja tertentu yang perlu dilakukan ketika mengeluarkan surat tersebut mengikut uruf bank.<sup>5</sup>

Istilah *kafalah* bermaksud menggabungkan satu *dzimmah* ke satu *dzimmah* lain dalam kes tuntutan (sesetengah menyatakan dalam kes hutang). Perkataan “kes tuntutan” menunjukkan hutang sebenarnya tidak sabit pada *dzimmah al-kafil*, cuma hutang tersebut dituntut daripada *al-kafil* (penjamin).<sup>6</sup> *Kafalah* disyariatkan sebagaimana *ittifaq* fuqaha. Namun masalah yang menjadi perselisihan ulama ialah adakah boleh mengambil upah daripada *kafalah*. Jumhur ulama tidak mengharuskannya. Para sarjana Islam semasa membezakan antara prinsip Syariah dalam surat jaminan ada cagaran dan tanpa cagaran.<sup>7</sup>

#### **a. Surat jaminan tanpa cagaran**

Ia ialah kontrak *kafalah*. Digabungkan *dzimmah* bank kepada

*dzimmah* pemohon surat untuk *masalah* pihak ketiga (*beneficiary*).<sup>8</sup> Maka bank ialah penjamin (*al-kafil*) dan pemohon surat ialah wang yang dijamin (*al-makful*) dan pihak ketiga ialah wang yang dijamin untuknya (*al-makful lahu*). Bank tidak harus mengambil upah dalam keadaan ini jika upah adalah kerana surat tersebut. Ini kerana *kafalah* adalah akad *irfaq* dan *tabarru*. Namun jika upah untuk kos sebenar perkhidmatan prosedur menyediakan surat tersebut, maka ia adalah diharuskan.<sup>9</sup>

#### **b. Surat jaminan ada cagaran**

Ia mengandungi dua konsep iaitu *wakalah* dan *kafalah*. Konsep *wakalah* berlaku antara bank dan pemohon, di mana pemohon surat mewakili pihak bank melaksanakan tugas.<sup>10</sup> Bank harus mengambil upah dalam keadaan ini kerana ia diasaskan kepada *wakalah*. Sementara hubungan antara bank dan pihak *beneficiary* adalah dengan berasaskan *kafalah* di mana pihak *beneficiary* menerima surat jaminan daripada bank atas dasar bank sebagai penjamin (*kafil*) bukan wakil. Dalam kes pelanggan hanya mempunyai cagaran aset bernilai separuh daripada nilai jaminan maka hubungan antara bank dengan pelanggan ialah hubungan *wakalah* dan *kafalah*.<sup>11</sup>

*Guarantee facilities* atau kemudahan surat jaminan juga diamalkan dalam sistem perbankan Islam Malaysia. Ia merujuk kepada kontrak atau janji insurans yang dibuat oleh pihak bank kepada pihak ketiga. Pelanggan mempunyai obligasi terhadap pihak ketiga yang disebut dalam kontrak. Dalam perjanjian ini, pihak bank bersetuju untuk menerima liabiliti pelanggannya sekiranya berlaku kegagalan atau penamatan kontrak seperti mana yang dipersetujui antara pelanggan dan pihak ketiga tersebut.<sup>12</sup> Amalan biasa dalam pelaksanaan pengeluaran surat jaminan di Malaysia adalah dengan berdasarkan prinsip *al-kafalah* dan *al-wadi'ah*.<sup>13</sup> Berikut ialah beberapa ciri surat jaminan yang diamalkan di perbankan Islam Malaysia:

- i. Surat jaminan dikeluarkan berasaskan prinsip *al-kafalah* di mana bank menjadi *al-kafil* dan pelanggan menjadi *al-makful lahu*.
- ii. Surat jaminan dikeluarkan untuk beberapa tujuan seperti jaminan penyelesaian hutang, jaminan melaksanakan sesuatu tugas. Biasanya ia melibatkan jaminan tender, jaminan prestasi, untuk sub-kontrak dan lain-lain.
- iii. Bank mungkin menghendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit berlandaskan hukum *al-wadi'ah*.
- iv. Bank juga akan mengenakan komisyen atau bayaran perkhidmatan kerana urusan pengeluaran jaminan ini.<sup>14</sup>

### **Prinsip *al-Kafalah* Menurut Syariah**

*Al-Kafalah* juga disebut sebagai *al-hamalah*, *al-za'amah* dan *al-dhaman*. Menurut mazhab Hanafi, *al-kafalah* ialah:

ضم الذمة إلى ذمة في المطالبة مطلقاً<sup>15</sup>

Maksudnya:

Menggabungkan suatu *dzimmah* (tanggungjawab) kepada satu *dzimmah* lain dalam tuntutan tertentu secara mutlak.

Mazhab Maliki pula mendefinisikan *al-kafalah* atau *al-dhaman* sebagai:

شغل ذمة أخرى بالحق<sup>16</sup>

Maksudnya:

Mengambil *dzimmah* orang lain berkenaan suatu hak.

Mazhab al-Shafie pula mentakrifkannya dengan:

الالتزام حق ثابت في ذمة الغير أو إحضار من هو عليه أو عين مضمونة<sup>17</sup>

Maksudnya: Mewajibkan suatu hak yang sabit pada *dzimmah* orang lain atau menghadirkan orang yang wajib hadir atasnya atau menghadirkan suatu benda yang dijamin.

Manakala mazhab Hanbali disebut oleh Ibn Qudamah bahawa *al-dhaman* ialah

ضم ذمة الضامن إلى ذمة المضمون عنه في التزام الحق<sup>18</sup>

Maksudnya: Menggabungkan *dzimmah* penjamin kepada *dzimmah* orang yang dijaminnya dalam memenuhi tanggungjawab suatu hak.

Melalui definisi-definisi di atas difahami bahawa *kafalah* ialah satu kontrak perjanjian antara A dengan B dalam memberi jaminan kepada pihak C agar A memenuhi tanggungjawab terhadap pihak C. *Al-Kafalah* terbahagi kepada *al-Kafalah bi al-Mal* dan *al-Kafalah bi al-Nafs*.<sup>19</sup> Dalam Islam, prinsip *kafalah* ialah akad *irfaq* dan *ihsan*. Oleh kerana itu ulama mensyaratkan *al-kafil* atau penjamin adalah yang berkelayakan untuk memberi sumbangan (*ahliyyat al-tabarru*).<sup>20</sup>

Al-Zuhayli menyebut bahawa disyaratkan pada *al-kafil* (penjamin) mempunyai kelayakan *tabarru* iaitu baligh dan berakal kerana *kafalah* adalah kontrak *tabarru*. *Al-Makful bihi* (benda yang dijamin sama ada diri atau harta) disyaratkan boleh diserahkan oleh *al-kafil*. Maka tidak sah *kafalah* dalam bab *hudud* dan *qisas* kerana penjamin tidak boleh memenuhi tanggungan tersebut. Ini kerana *al-niyabah* (penggantian) tidak berlaku dalam bab *uqubat*. Begitu juga *al-makful bihi* mestilah hutang yang lazim iaitu hutang yang tidak akan gugur kecuali dengan pembayaran balik atau *ibra'* (pelepasan hutang). Manakala syarat bagi *al-makful lahu* (orang yang dijamin) mesti berakal dan *mumayyiz*. Di sisi mazhab Hanafi mestilah seorang yang diketahui dan hadir (ada ketika akad).<sup>21</sup>

### Adakah Surat Jaminan Dianggap Sebagai Harta?

Harta dari segi bahasa ialah suatu yang disimpan dan dikawal oleh manusia sama ada *ain* seperti emas dan perak, atau manfaat sesuatu

barang seperti menunggang, memakai dan mendiami. Manakala suatu yang tidak boleh dikawal oleh manusia, ia bukan harta seperti burung di udara dan ikan di dalam air.<sup>22</sup>

Jumhur fuqaha mendefinisikan harta sebagai setiap perkara yang ada nilai dan jika dirosakkan hendaklah diganti. Manakala mazhab Hanafi mengatakan harta merupakan benda atau barang yang boleh dikawal dan kebiasaannya boleh diambil faedah daripadanya. Di sini terdapat dua elemen penting iaitu:

- a. Harta tersebut mestilah boleh dikawal (*hiyazah*). Maka barang yang tidak boleh dikawal adalah bukan harta.
- b. Boleh diambil faedah atau manfaat daripadanya pada adat kebiasaan. Sesuatu yang tidak boleh diambil manfaat adalah bukan harta.

Apabila merujuk kepada surat jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank, terdapat dua jenis surat. Jenis pertama iaitu tanpa cagaran ialah surat yang mengandungi prinsip *kafalah* seperti mana yang disebutkan dalam buku-buku fiqh. Maka surat tersebut tidak boleh dianggap harta dan tidak boleh dijual beli. Ini kerana ia hanya satu surat biasa yang menyatakan hak mendapat jaminan daripada bank.

Kedua ialah surat jaminan bercagaran atau berasaskan aset. Maka hubungan di antara bank dan pelanggan boleh dianggap sebagai *wakalah*. Justeru bank mengeluarkan surat hanya kerana ada aset yang dicagarkan dan bank akan menjaga aset cagaran tersebut. Surat jaminan itu mempunyai nilai yang sama dengan aset yang dicagarkan. Namun, aset yang dicagarkan hendaklah terdiri daripada aset tunai atau aset tetap. Oleh itu, mungkin boleh dibezakan antara aset tunai dengan aset tetap.

Jika surat jaminan yang mempunyai cagaran aset tunai (cagaran penuh), maka prinsip Syariah yang mungkin wujud ialah prinsip *wakalah* dan *wadi'ah*. Hubungan antara pelanggan (pemohon surat jaminan) dan pihak bank ialah hubungan *muwakkil* (pelanggan) dengan wakil (bank). Maka surat jaminan tersebut hanya melambangkan wang yang berada dalam akaun pelanggan. Justeru, surat tersebut tidak boleh dijual beli kecuali dengan syarat *al-taqabud* (serah terima dalam majlis) dan *al-tamathul* (persamaan nilai).

Sekiranya, surat jaminan tersebut berasaskan aset tetap (tanah atau bangunan, maka akad yang wujud ialah akad *al-rahn* dan *wakalah*. Ini kerana pelanggan mencagarkan asetnya sama ada saham atau bangunan kepada bank. Surat jaminan itu semata-mata tidak boleh dianggap harta kerana ia hanya kertas biasa yang tidak boleh diambil manfaat daripadanya. Namun jika apa yang dimaksudkan ialah cagaran di sebalik surat tersebut, maka surat jaminan tersebut adalah dianggap sebagai harta kerana:

- a. Surat tersebut menyatakan hak pemilik asal kepada aset cagarannya dan aset yang menjadi sandarannya disimpan oleh pihak bank.
- b. Surat itu boleh diambil faedah daripadanya. Iaitu seseorang yang memegang surat boleh menuntut aset yang menjadi sandarannya.
- c. Seseorang yang mempunyai surat jaminan tersebut dianggap mempunyai aset yang menjadi sandarannya. Oleh sebab itu, sekiranya seseorang yang membeli surat jaminan dapat menunaikan segala tanggungjawabnya maka ia boleh menuntut kembali aset daripada bank.
- d. Surat jaminan tersebut dianggap sebagai hak *mali* iaitu hak menunjukkan kepada harta dan manfaatnya. Seseorang yang memegang surat jaminan tadi berhak memiliki aset cagaran melalui beberapa prosedur dan Syarak mengiktiraf *haqq al-tamalluk* (hak memiliki).

### **Adakah surat jaminan boleh digunakan sebagai aset untuk jual beli?**

Isu ini perlu dilihat dari beberapa sudut. Sekiranya surat jaminan tiada cagaran, maka hukumnya adalah jelas tidak boleh. Sekiranya ada cagaran dan ia hanya wang tunai yang didepositkan oleh pelanggan dalam akaun bank pengeluar surat, maka ia termasuk dalam jual beli *al-sarf* (pertukaran wang). Jual beli *al-sarf* tidak dibolehkan kecuali dengan syarat *al-taqabud* dan *al-tamathul*.



Sekiranya aset cagaran bukan wang tunai, perlu dibezakan antara saham atau aset tetap (tanah atau bangunan).

a. Aset cagaran ialah saham.

Antara syarat *al-mabi* (objek jual beli) ialah ia boleh diambil faedah atau manfaat daripadanya. Adakah sijil saham boleh dianggap barang dagangan (*urud al-tijarah*)? Apabila sijil-sijil saham dianggap sebagai barang dagangan, maka persoalan di sini, di manakah berlakunya akad jual beli (*mahall al-aqd*)? Adakah pada sijil tersebut atau nilainya atau benda lain? Sekiranya semata-mata sijil sahaja, maka ia bukan harta kerana ia hanyalah kertas atau dokumen biasa yang tidak mempunyai nilai. Namun apabila yang dianggap *mahall al-aqd* di sini ialah nilainya, ia termasuk dalam jual beli wang dengan wang (*bay al-naqd bi al-naqd*). Jika dimaksudkan dengan *mahall al-aqd* benda lain, apakah benda tersebut? Apabila berlaku jual beli, apakah yang perlu diserahkan oleh penjual tersebut dan bagaimanakah pembeli boleh mengambil manfaat daripadanya?<sup>23</sup> Kesimpulannya, jika syarat-syarat *al-mabi* memenuhi pada saham, maka sah jual beli. Sebaliknya, jika tidak wujud syarat, maka tidak sah jual beli tersebut. Apabila saham boleh dijual beli maka ia juga boleh dicagarkan. Apabila menjual saham tersebut ia juga bermakna menjual apa yang diwakili oleh saham tersebut. Persoalannya adakah harus pemilik cagaran menjual barang cagarannya? Ini akan disebutkan nanti dalam hukum *tasarruf al-rahin bi al-marhun*.

b. Aset cagaran ialah aset tetap.

Aset tetap telah dijadikan aset cagaran (*al-rahn*) bagi pengeluaran surat jaminan. *Al-rahn* ialah harta yang dijadikan satu *wathiqah* (sandaran mengikat) hutang untuk dibayar hutang tersebut daripada harganya jika hutang tidak dapat dijelaskan. Fuqaha menyatakan setiap perkara yang boleh dijual beli, maka boleh dijadikan barang cagaran (*al-rahn*).<sup>24</sup> Sebaliknya, adakah barang yang dicagarkan boleh dijual beli? Ia disebut oleh fuqaha dalam masalah *tasarruf* pemilik cagaran terhadap barang cagarannya.

Berikut ialah perincian mazhab berkenaan masalah tersebut:

**Masalah *tasarruf* pemilik cagaran (*al-rahin* / الرهن)**

Maksud *al-tasarruf* ialah setiap pekerjaan yang mendatangkan suatu *iltizam* lain dan mendatangkan kesan Syarak seperti hibah, jual beli, wakaf dan pembebasan (bagi hamba) dan sebagainya.

Apabila pemilik cagaran melakukan *tasarruf*, maka di sana ada dua keadaan:

a. *Tasarruf* tanpa izin pemegang cagaran (*al-murtahin*)

Menurut mazhab al-Shafie dan Hanbali, pemilik cagaran tidak boleh melakukan sebarang *tasarruf* yang menghilangkan hak pemilikannya seperti hibah, jual beli dan wakaf. Jika dia tetap melakukannya, *tasarruf* ini adalah terbatal dan tidak akan wujud apa-apa kesan Syarak. Tidak harus *tasarruf* kerana barang cagaran tersebut adalah *wathiqah* (pengikat hutang) yang berada di bawah kuasa pemegang cagaran. Sekiranya, diharuskan *tasarruf*, nescaya hilanglah *wathiqah* tersebut.

Sebagaimana tidak harus dilakukan *tasarruf* yang menghilangkan hak milik, begitu juga tidak harus dilakukan *tasarruf* yang mengurangkan nilai barangan cagaran seperti menyewakannya dalam tempoh hutang. Ini kerana ia boleh mengurangkan kehendak orang untuk membeli barang tersebut. Demikian juga tidak harus ia mencagarkan barang itu kepada pihak lain, kerana akan berlaku pertembungan hak dan ini boleh meluputkan matlamat cagaran.

Al-Sharbini dalam *Mughni al-Muhtaj* menyebutkan:

( وَلَيْسَ لِلرَّاهِنِ الْمُقْبِضِ ) ( تَصَرُّفٌ ) مَعَ غَيْرِ الْمُرْتَهِنِ بِغَيْرِ إِذْنِهِ ( يُزِيلُ الْمَلِكُ ) كَالْهَبَةِ وَالْبَيْعِ وَالْوَقْفِ لِأَنَّهُ لَوْ صَحَّ لَفَاتَتْ الرُّوثِيْقَةَ ، وَأَمَّا مَعَهُ فَمَسِيئَاتِي أَنَّهُ يَصَحُّ<sup>25</sup>

Maksudnya: Dan tidak harus bagi *al-rahin* yang memberi barang cagaran melakukan *tasarruf* kepada pihak (bukan *al-murtahin*) tanpa izinnya (*al-murtahin*), yang boleh menghilangkan hak

milik seperti hibah, jual, dan wakaf. Kerana jika sah, nescaya akan luput *wathiqah*, dan adapun (*tasarruf*) bersamanya atau dengan izinnya, maka akan disebutkan nanti ia sah.

Mazhab Hanafi memperincikan masalah *tasarruf al-rahin* kepada beberapa keadaan:

Jika *tasarruf* itu ialah aktiviti jual beli, jual beli dikira sah secara *mawquf* (digantung), sama ada pembeli mengetahui tentang hal itu atau tidak. Ia perlu digantung kerana pemilik cagaran melakukan *tasarruf* pada barangan yang bukan hak sepenuhnya. Ini kerana ia juga berkait dengan hak pemegang cagaran (iaitu *haqq al-habs*), maka digantung kelulusannya pada keizinan pemegang cagaran.

Apabila pemegang cagaran mengizinkannya, maka jual beli itu akan diluluskan dan jika tidak diizinkan, maka jual beli itu batal.

Di dalam kitab al-Hidayah Sharh al-Bidayah dinyatakan :

وَإِذَا بَاعَ الرَّاهِنُ الرَّهْنَ بِغَيْرِ إِذْنِ الْمُرْتَهِنِ فَالْبَيْعُ مَوْقُوفٌ لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْغَيْرِ بِهِ وَهُوَ الْمُرْتَهِنُ فَيَتَوَقَّفُ عَلَى إِجَازَتِهِ وَلَوْ كَانَ الرَّاهِنُ يَتَصَرَّفُ فِي مِلْكِهِ كَمَنْ أَوْصَى بِجَمِيعِ مَالِهِ تَقَفَّ عَلَى إِجَازَةِ الْوَرِثَةِ فَيَمَّا زَادَ عَلَى الثَّلَاثِ لِتَعَلُّقِ حَقِّهِمْ بِهِ فَإِنْ أَجَازَ الْمُرْتَهِنُ جَازَ لِأَنَّ التَّوَقُّفَ لِحَقِّهِ وَقَدْ رَضِيَ بِسُقُوطِهِ<sup>26</sup>

Maksudnya: Dan apabila *al-rahin* menjual barang *rahn* tanpa izin *al-murtahin*, maka jual beli itu *mawquf* kerana hak orang lain bergantung dengannya iaitu *al-murtahin*. Justeru, digantung atas keizinannya, sekalipun *al-rahin* bertasarruf pada hak miliknya. Seperti hukum orang yang mewasiatkan semua hartanya, maka digantungkan kesahannya atas keizinan ahli waris lain pada bahagian yang lebih daripada 1/3 kerana hak mereka bergantung dengannya. Sekiranya *al-murtahin* mengizinkannya, maka ia harus kerana pergantungan tersebut bagi haknya dan dia telah setuju dengan menggugurkan haknya.

b. Tasarruf dengan izin pemegang cagaran

Mazhab al-Shafie berpendapat, apabila pemilik cagaran melakukan *tasarruf* dengan izin pemegang cagaran dan *tasarruf* itu menghilangkan hak milik (seperti jual beli), maka *tasarruf* ini sah dan akad *rahn* akan batal. Tetapi pemegang cagaran boleh menarik balik keizinan tersebut sebelum berlaku *tasarruf* kerana haknya masih kekal ketika itu.

Al-Sharbini dalam Mughni al-Muhtaj menjelaskan:

وَلَهُ (أَيُّ الرَّاهِنِ) بِإِذْنِ الْمُرْتَهِنِ مَا مَنَعْنَاهُ (مِنَ التَّصَرُّفَاتِ وَالْإِنْتِفَاعَاتِ  
مِنْ غَيْرِ بَدَلٍ ؛ لِأَنَّ الْمَنَعَ كَانَ لِحَقِّهِ وَقَدْ زَالَ بِإِذْنِهِ فَيَحِلُّ الْوَطْءُ ، فَإِنْ لَمْ  
تَجِبْ فَالرَّهْنُ بِحَالِهِ ، وَإِنْ أَحْبَلَهَا أَوْ أَعْتَقَ أَوْ بَاعَ أَوْ وَهَبَ نَفَذَ وَبَطَلَ  
الرَّهْنُ<sup>27</sup>

Maksudnya: Dan harus baginya iaitu bagi *al-rahin* (dengan izin *al-murtahin* apa yang kami larang) iaitu apa-apa *tasarruf* dan tindakan mengambil manfaat tanpa gantian. Larangan dahulunya adalah kerana haknya, dan sekarang telah hilang haknya dengan sebab keizinannya, maka halal jimak. Jika (hambanya) tidak mengandung, maka *rahn* kekal dengan keadaannya. Jika mengandung atau dia membebaskannya atau menjualnya atau menghibahkannya, akan diluluskan dan batal *al-rahin*.

Kata beliau lagi:

وَلَهُ (أَيُّ الْمُرْتَهِنِ) (الرُّجُوعُ) عَنِ الْإِذْنِ (قَبْلَ تَصَرُّفِ الرَّاهِنِ) ؛ لِأَنَّ  
حَقَّهُ بَاقٍ كَمَا لِلْمَالِكِ أَنْ يَرْجِعَ قَبْلَ تَصَرُّفِ الْوَكِيلِ<sup>28</sup>

Maksudnya: Dan boleh baginya iaitu bagi *al-murtahin* untuk menarik kembali izinnya sebelum *al-rahin* bertindak melakukan *tasarruf*. Kerana haknya masih kekal seperti mana seorang pemilik barang boleh menarik balik sebelum wakilnya melakukan *tasarruf*.

Mazhab Hanafi mengatakan sekiranya, dijual atau dihibahkan kepada pihak ketiga, maka barangan cagaran telah terkeluar dari akad *rahn* dan akan berpindah kepada harga barang cagaran yang dijual.

Al-Kasani menyebut (13/472);

وَيَخْرُجُ بِالْبَيْعِ بَأْنِ بَاعِهِ الرَّاهِنُ أَوْ الْمُرْتَهِنُ بِإِذْنِ الرَّاهِنِ أَوْ بَاعِهِ الْعَدْلُ ؛  
لَأَنَّ مَلِكَ الْمُرْتَهِنِ قَدْ زَالَ بِالْبَيْعِ وَلَكِنْ لَا يَبْطُلُ الرَّهْنُ ؛ لِأَنَّهُ زَالَ إِلَى  
خَلْفٍ وَهُوَ الثَّمَنُ فَبَقِيَ الْعَقْدُ عَلَيْهِ<sup>29</sup>

Maksudnya: Dan terkeluar (*al-marhun* dari akad) dengan sebab jual beli iaitu apabila dia *al-rahin* menjualnya atau *al-murtahin* menjualnya dengan izin *al-rahin* atau seorang yang adil menjualnya. Ini kerana hak milik *al-marhun* telah hilang dengan sebab jual beli, akan tetapi tidak membatalkan *al-rahn* kerana ia telah berpindah ke belakang (iaitu harga barang) maka akad masih kekal atasnya.

Al-Marghinani menjelaskan:

(وَإِذَا نَفَذَ الْبَيْعُ بِإِجَازَةِ الْمُرْتَهِنِ يَنْتَقِلُ حَقُّهُ إِلَى بَدَلِهِ هُوَ الصَّحِيحُ) ؛  
لَأَنَّ حَقَّهُ تَعَلَّقَ بِالمَالِيَّةِ، وَالبَدَلُ لَهُ حُكْمُ المَبْدَلِ<sup>30</sup>

Maksudnya: Dan apabila jual beli lulus dengan keizinan *al-murtahin*, maka haknya akan berpindah kepada gantian (harga) ia adalah sah kerana haknya bergantung dengan harta dan *badal* (gantian) mengambil hukum *al-mubdal* (yang digantikan).

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, ia menunjukkan seorang *al-rahin* tidak boleh melakukan *tasarruf* seperti jual beli pada barang cagarannya mengikut mazhab al-Shafie dan Hanbali. Namun mengikut mazhab Hanafi, hukum tersebut lebih longgar kerana kesahan jual beli barang cagaran bergantung pada pemegang cagaran. Dalam konteks surat jaminan, jika mengikut mazhab Hanafi, kesahan jual beli itu bergantung pada keizinan pihak bank (pengeluar surat jaminan). Bahkan

sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Kasani, akad *al-rahm* tersebut juga tidak batal. Untuk lebih *ihthiyat* (berjaga-jaga) hendaklah kita mengikut pandangan mazhab al-Shafie dan Hanbali. Wallahualam.

## Kesimpulan

Melalui perbincangan ini, diketahui bahawa *al-kafalah* ialah satu kontrak penting dalam Islam dan ia bertujuan untuk bantu-membantu serta tolong-menolong. Sistem muamalat pada masa sekarang perlu kepada sumbangan para sarjana Islam bagi mencari jalan penyelesaian terbaik yang menepati sistem muamalat Islam. Melihat kepada masalah yang diutarakan, surat jaminan yang mempunyai cagaran memang diiktiraf sebagai suatu harta jika dirujuk pada aset cagarannya. Prinsip yang mungkin wujud dalam surat jaminan ialah *al-wakalah*, *al-kafalah* dan *al-rahm* sebagaimana yang telah dijelaskan. Namun dalam kes menjadikan surat tersebut sebagai aset jual beli, ia termasuk dalam masalah *hukum tasarruf* pemilik cagaran terhadap barang cagaran. Sekiranya boleh mencari aset selain daripada aset cagaran tersebut, maka itu adalah yang terbaik. Cuma, dalam keadaan terpaksa dan darurat, bolehlah menggunakan pendapat mazhab Hanafi selepas mendapat keizinan pihak bank pengeluar surat terlebih dahulu. Itu pun dengan mengikut syarat-syarat yang ketat dan perlu dikaji dengan teliti.

## Nota hujung

1. Bakr bin Abdullah Abu Zayd, *Fiqh al-nawazil qadaya fiqhiyyah mu'asirah*, Muassasah al-Risalah, hlm. 201.
2. Johnson Pang, *Banking business & international trade finance Malaysia and Singapore*, Federal Publication Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 66.
3. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah wa asalib al-tamwil al-mutawafiqah maaha,*, hlm. 200; Charles J. Gmur, *Trade Financing*, Publication Limited, hlm. 16.
4. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 199.
5. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm.199.
6. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 200.
7. Bakr bin Abdullah Abu Zayd, *Fiqh al-nawazil*, hlm. 210.
8. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami wa al-qadaya al-fiqhiyyah al-mu'asirah*, Muassasah al-Rayyan, 1996M/1416H, jld. 2, hlm. 765.
9. Dr. al-Gharib Nasir, *Usul al-masrafiyyah al-Islamiyyah*, hlm. 200.
10. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami*, jld. 2, hlm. 766.
11. Al-Salus, *al-Iqtisad al-Islami*, jld. 2, hlm. 766.
12. Sudin Haron dan Bala Shanmugam, *Islamic banking system concepts & applications*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1997M, hlm. 138.
13. Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam, Kuala Lumpur, hlm. 276.
14. al-Zuhayli, *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*, hlm. 354; Sudin Haron dan Bala Shanmugam, hlm. 138-139.
15. Zayn bin Ibrahim bin Muhammad, *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq*, Dar al-Marifah, Beirut, jld. 6, hlm. 221.
16. Muhammad bin Abdullah al-Maghribi, *Mawahib al-Jalil*, Dar al-Fikr, Beirut, jld. 5, 96.
17. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj ila marifat mani alfaz al-minhaj*, Dar al-Fikr, t.th, jld. 2, hlm. 198.
18. Al-Ghamidi, *Ikhtiyarat Ibn Qudamah al-fiqhiyyah fi ashhar al-masa'il al-khilafiyah*, Dar Tayyibah, 1418H, jld. 2, hlm. 271.

19. *Kafalah bi al-nafs* ialah penjamin berjanji akan membawa pihak yang dijamin (*al-makful*) apabila dipanggil dalam perbicaraan kes-kes tertentu di mahkamah.
20. Al-Salus, *Fiqh al-bay wa al-istithaq wa al-tatbiq al-muasir*, Muassasah al-Rayyan, Beirut, 2003M/1423H, jld. 2, hlm. 1346.
21. Al-Zuhayli, *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*, Dar al-Fikr, Damsheiq, 2006M, hlm. 96.
22. Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*, Dar al-Fikr al-Muasir, Beirut, 1997M, 1418H, jld. 4, hlm. 2875.
23. Dr. Ahmad bin Muhammad al-Khalil, *al-Ashum wa al-sanadat wa ahkamuha fi al-fiqh al-Islami*, Dar Ibn al-Jawzi, Riyad, hlm. 8.
24. Al-Salus, *Fiqh al-bay wa al-istithaq*, jld. 2, hlm. 1218.
25. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 130.
26. Al-Marghinani, *al-Hidayah sharh al-bidayah*, al-Maktabah al-Islamiyyah, Beirut, jld. 4, hlm. 145.
27. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 132.
28. Al-Sharbini, *Mughni al-muhtaj*, jld. 2, hlm. 132.
29. Al-Kasani, *Bada'i al-Sana'i*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, 1982M, jld. 6, hlm. 171.
30. Al-Marghinani, *al-Hidayah sharh al-bidayah*, jld. 4, hlm. 145.



## **Rujukan**

- Ab. Mumin Ab. Ghani. *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam.
- Bakr bin Abdullah Abu Zayd. *Fiqh al-nawazil qadaya fiqhiyyah mu'asirah*. Muassasah al-Risalah.
- Charles J. Gmur. *Trade Financing*. Publication Limited.
- Dr. Ahmad bin Muhammad al-Khalil. *al-Ashum wa al-sanadat wa ahkamuha fi al-fiqh al-Islami*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Ghamidi. 1418H. *Ikhtiyarat Ibn Qudamah al-fiqhiyyah fi ashhar al-masa'il al-khilafiyah*. Dar Tayyibah.
- Johnson Pang. 1997. *Banking business & international trade finance Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Federal Publication Sdn Bhd.
- Al-Kasani. 1982M. *Badd'i al-Sana'i*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Marghinani. *al-Hidayah sharh al-bidayah*. Beirut: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Muhammad bin Abdullah al-Maghribi. *Mawahib al-Jalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Salus. 1996M/1416H. *al-Iqtisad al-Islami wa al-qadaya al-fiqhiyyah al-muasirah*. Muassasah al-Rayyan
- Al-Salus. 2003M/1423H. *Fiqh al-bay wa al-istithaq wa al-tatbiq al-muasir*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Sharbini. t.th. *Mughni al-muhtaj ila ma'rifat mani al-faz al-minhaj*. Dar al-Fikr.
- Sudin Haron dan Bala Shanmugam. 1997M. *Islamic banking system concepts & applications*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Zayn bin Ibrahim bin Muhammad. *al-Bahr al-ra'iq sharh kanz al-daqa'iq*. Beirut: Dar al-Marifah. Al-Zuhayli. 1997M/1418H. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Zuhayli. 2006M. *al-Muamalat al-maliyyah al-mu'asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr.